
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

VHT 333 – Aspek-Aspek Kesenian Barat Moden

Masa : 3 jam

Arahan:

1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi enama [6] soalan dan dua [2] muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
 2. Jawab empat [4] soalan sahaja. Soalan 1 di Bahagian A adalah wajib dan pilih 3 soalan di Bahagian B.
 3. Soalan 1 bernilai 40 markah. Soalan 2, 3, 4, 5, dan 6 bernilai 20 markah.
-

Bahagian A

1. Sisipan [slides] tayangkan. Nyatakan:

- a) Nama Seniman
- b) Tajuk Karya
- c) Tahun Karya
- d) Ulas karya sepanjang lima ayat

[40 markah]

Bahagian B

2. Huraikan pendapat sejarawan seni bahawa stail neo-klasik itu terlalu mengongkong perasaan pelukis yang terikat kepada peraturan penggambaran yang ketat. Berikan contoh-contoh.

[20 markah]

3. Adakah seni bina abad ke 20 terlalu terikat pada falsafah "*Form Follows Function*" atau bentuk itu ikut fungsi?

[20 markah]

4. Surealisme dikatakan terpengaruh oleh pandangan Sigmund Freud. Bagaimana gambar surealisme yang begitu nyata boleh kita kaitkan dengan mimpi yang biasanya kabur?

[20 markah]

5. Nyatakan dua gerakan yang mempunyai manifestonya masing-masing. Adakah wajar seni dirangsang oleh manifesto?

[20 markah]

6. Ulas "*The Starry Night*" oleh Van Gogh sebagai karya orang yang tidak siuman.

[20markah]